



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BENCANA ALAM: MENYELAMI HIKMAH - MENGAMBIL PENGAJARAN”

17 Februari 2023 / 26 Rejab 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadirat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk; “BENCANA ALAM: MENYELAMI HIKMAH - MENGAMBIL PENGAJARAN”

Firman Allah SWT ayat 155 hingga 157 surah al-Baqarah:

﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمْرِاتِ وَبِشْرِ الصَّبْرِ ۗ وَالَّذِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ﴿١٥٧﴾ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾﴾

Bermaksud: Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh), (dengan merasa) kelaparan, (dengan berlakunya) kekurangan harta, jiwa serta hasil tanaman. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang yang sabar. (laitu) orang yang apabila ditimpa musibah, mereka berkata “Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”. Mereka itulah orang yang

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



memperoleh keberkatan yang sempurna dan rahmat daripada Tuhan mereka dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk.

Pada pagi Isnin 6 Februari 2023, dunia dikejutkan dengan berlakunya bencana gempa bumi yang dahsyat di wilayah tenggara Turkiye dan utara Syria, yang mengakibatkan ratusan bangunan runtuh dan musnah, serta mengorbankan lebih dua puluh empat ribu nyawa. Rakyat Turkiye dan Syria sedang melalui penderitaan. Lebih 874,000 orang dalam krisis kemanusiaan yang memerlukan bantuan makanan dan tempat tinggal; 5.3 juta orang dilaporkan ketiadaan tempat tinggal di Syria. Program Makanan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memohon peruntukan catuan makanan berjumlah 336 juta ringgit. Bencana yang berlaku merupakan ketentuan Allah SWT yang tentunya mengandungi hikmah dan pengajaran buat umat manusia.

Jemaah yang dimuliakan Ilahi,

Berdasarkan ayat 155 hingga 157 surah al-Baqarah yang khatib bacakan pada awal khutbah, manusia akan menempuh pelbagai musibah dan ujian, antaranya dilanda pelbagai bencana alam seperti kemarau, banjir, ribut taufan, tanah runtuh dan gempa bumi. Namun orang-orang beriman menempuh ujian dengan sifat sabar serta disusuli lafaz **إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ** sebagai bukti keimanan terhadap segala musibah yang ditentukan oleh Tuhan Penguasa alam dan Pencipta manusia.

Setiap perkara yang berlaku adalah dengan ketentuan Ilahi yang di luar daya upaya manusia untuk menolaknya. Manusia hendaklah tidak terlalu cepat kecewa malah hendaklah meningkatkan takwa, memohon ihsan daripada Allah Yang Maha Mengetahui sebab musabab sesuatu bencana dan berusaha menyelami sedalam-dalamnya untuk menemui apa juga hikmah yang tersirat di sebalik kejadian. Mimbar memperingatkan kepada tiga perkara berikut:

Pertama: Bencana yang berlaku sewajibnya memperingatkan manusia kepada Allah SWT yang berkuasa melakukan apa yang dikehendaki Nya seperti yang tersurat dalam ayat 78 Surah Al-A'raf;

﴿فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جِثِيمِينَ﴾



Bermaksud: Maka, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi, lalu menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.

Oleh itu, bencana yang berlaku ini, hendaklah menginsafkan diri kita untuk bersungguh-sungguh mematuhi suruhan Ilahi dan meninggalkan larangan Nya.

Kedua: Menginsafi diri dan membuktikan rasa bersyukur kerana tidak dilanda musibah berat seperti ini, dengan mempamerkan ciri kesempurnaan iman, mengambil tanggungjawab membantu mereka yang sedang berada dalam kesusahan berpandukan hadis Baginda SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Bermaksud: Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyayangi saudaranya seperti mana dia menyayangi dirinya. (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Mimbar dengan ini, menyeru para jemaah melakukan pengorbanan kecil dengan menghulurkan sumbangan kewangan melalui tabung kutipan Jumaat yang dilancarkan di seluruh surau dan masjid di negeri Perak pada hari ini. Mimbar turut menyeru, atas perasaan keinsanan, agar seluruh rakyat Malaysia merentasi agama dan kaum, sama-sama tampil menghulurkan sumbangan melalui pelbagai tabung dan pertubuhan kemanusiaan.

Ketiga: Memohon keampunan Allah SWT sambil berdoa agar mangsa dan keluarga mangsa diberikan ketabahan menghadapi ujian berat Ilahi, semoga mereka yang kehilangan rumah dan harta benda akan digantikan dengan yang lebih baik, dan mereka yang terkorban digantikan dengan kehidupan di syurga.

Mukminin yang dilimpahi keberkatan Ilahi,

Meskipun segala apa yang berlaku ditentukan oleh Ilahi, manusia juga diseru untuk berikhtiar dan berusaha, mempersiapkan diri untuk menghadapi bencana. Gempa bumi yang berlaku di Turkiye dan Syria hendaklah membuka mata ummah di seluruh dunia untuk dijadikan pengajaran; antaranya;

Pertama: *Survival* atau kelangsungan hidup mangsa yang terperangkap di dalam bangunan tertakluk pada tahap kemusnahan bangunan. Bangunan yang mempunyai daya tahan terhadap gegaran gempa bumi, mengurangkan risiko kemusnahan dan keruntuhan. Oleh itu, mulai sekarang, adalah penting untuk diperkenalkan syarat baharu,



semua bangunan tinggi yang mahu dibina termasuk di negara kita, diwajibkan memasang sistem kalis gegaran dan penyerap gempa bumi yang berupaya mengelak kerosakan pada bangunan apabila berlaku gempa bumi, lantas mengurangkan risiko kehilangan nyawa.

Kedua: Pemaju, arkitek, jurubina, jurutera dan kontraktor, yang mengendalikan projek binaan hendaklah bersifat takwa, jujur dan telus dan tidak semata-mata mengejar keuntungan sehingga sanggup melakukan penipuan. Segala projek binaan, bangunan, sekolah, rumah, jalan raya, jambatan, jeti dan sebagainya hendaklah dibina mengikut syarat-syarat yang ditetapkan tanpa kompromi atau tolak ansur. Pihak-pihak berkuasa yang diamanahkan memantau dan memberikan kelulusan sesuatu projek, janganlah kerana sogokan, luntur maruahnyanya, tergamak hati mengetepikan syarat, memberikan kelulusan kepada binaan yang tidak memenuhi kualiti, hingga boleh mengakibatkan keselamatan dan nyawa manusia terancam.

Ketiga: Ketika diamanahkan membina atau memantau projek yang melibatkan kepentingan manusia seperti kerja-kerja binaan, baik pulih dan sebagainya, sikap kesungguhan dan ketelitian wajar menjadi amalan seiring dengan sabda Baginda SAW:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَقِنَهُ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah amat menyukai seseorang kamu yang apabila melakukan pekerjaan dia melakukan dengan teliti. (Hadis Riwayat Al-Tabarani)

Elakkan daripada melakukan kesilapan dan kecuaiannya yang mengundang ancaman keselamatan pengguna. Bayangkan betapa ramai nyawa yang mungkin terkorban jika bangunan, jambatan, jeti dan jalan raya yang dibina tidak menepati syarat serta ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Kami pohon Engkau berikan ketabahan dan kekuatan kepada pasukan petugas dan penyelamat begitu juga pasukan perubatan serta sukarelawan yang melaksanakan pelbagai tugas fardu kifayah di Turkiye dan Syria ketika ini. Kurniai mereka kesihatan, lindungi mereka daripada sebarang bahaya, agar mereka selamat kembali ke tanah air dalam keadaan sihat dan sejahtera. Cucuri rahmat Mu

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



kepada hamba-hamba Mu yang terkorban, semoga dengan ihsan Mu, mereka dikurniakan syurga Mu. Tabahkan hati para mangsa serta gantikan musibah dengan kebaikan Mu. Bukakan hati sekalian manusia untuk bersifat pemurah tampil menghulurkan bantuan dan pertolongan.

Ya Ni'mal Wakil! Ya Ni'man Nasir! Engkaulah sebaik-baik yang memelihara kami. Kami berlingdung dengan Mu daripada bencana dahsyat yang memusnahkan harta dan nyawa.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.